

Menguruskan prioriti anda

Bahagian 1 / 3



Dr. Ali Qassem
www.aliqassem.com

Mengurus masa atau saya lebih suka menyebutnya sebagai 'mengurus prioriti' adalah sangat penting dan juga merupakan topik yang popular. Dunia kini penuh dengan pelbagai alat pengurusan masa. Terdapat juga ribuan buku pengurusan masa dan lebih dari 9 milion rencana pengurusan masa dalam internet. Namun, ramai orang masih menghadapi kesukaran dalam mengurus sumber yang unik ini.

Kita perlu melakukan tugas dan aktiviti harian dengan berkesan. Untuk melakukan kerja-kerja tersebut, kita memerlukan idea, ketenangan minda, maklumat, pelaksanaan dan tindakan. Kesemua ini mengambil masa kita yang banyak. Kita mungkin mengetahui cara untuk mengendalikan sesuatu tugas atau aktiviti dan melaksanakan dengan cara yang betul, tetapi pada umumnya

kita tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk melaksanakan dengan cemerlang.

Kemampuan kita untuk mengurus masa secara langsung mempengaruhi prestasi, hasilan kerja dan kejayaan kita di tempat kerja dan dalam kehidupan pada umumnya.

Pengurusan masa adalah asas kepada setiap individu tanpa mengambilkira apa jenis pekerjaan seseorang itu. Peter Drucker mengatakan, "Kita kurang cekap menguruskan masa, selagi kita tidak dapat mengurus masa dengan berkesan, kita tidak akan dapat mengurus apa-apa."

Pengurusan masa memerlukan kemahiran, peralatan dan teknik tertentu dalam menyempurnakan sesuatu tugas dan matlamat secara berkesan dalam jangkamasa yang pendek. Ia adalah merancang, mengatur dan menyusun masa anda bagi memperolehi tahap produktiviti yang lebih tinggi.

Kebanyakan orang mengatakan masa adalah wang, ada juga orang mengatakan masa itu emas; kedua-duanya pun tidak betul. Sebenarnya masa adalah lebih berharga daripada wang dan emas. Wang dan emas yang hilang boleh dicari ganti tetapi masa yang terbuang tidak dapat diganti balik.

Thomas Edison pernah berkata, "Masa adalah satu-satunya modal manusia yang tidak boleh dihilangkan atau dibuang."

Orang yang efektif mengetahui masa adalah terhad. Kita tidak dapat menyimpan atau mengganti masa.

Masa adalah sumber yang unik. Kita boleh mencari wang, mengupah pekerja tetapi kita tidak dapat mengupah atau mendapatkan masa yang lebih.

Kita semua mempunyai tempoh masa 24 jam yang sama dalam sehari, namun pencapaian dan prestasi kita adalah berlainan. Orang yang biasa hanya melalui 24 jam ini; dan menghitung hari. Orang yang luar biasa menggunakan 24 jam ini dengan efektif dengan melakukan sesuatu yang bermakna.

Terdapat segelintir orang yang sibuk sepanjang hari untuk cuba melaksanakan tugas. Pada penghujung hari, mereka mendapati mereka hanya melaksanakan 30% daripada kesemua tugas yang diberi. Ini adalah kerana mereka kekurangan kemahiran pengurusan masa.

Apa yang penting bukanlah sentiasa berada dalam kesibukan atau apa yang kita lakukan. Apa yang paling penting adalah perkara-perkara yang mana harus kita laksanakan bagi menambahkan nilai dalam kerja dan kehidupan.

Kita, manusia, mudah sekali membazir masa. Kita tidak menyedari bahawa kita menggunakan banyak masa dalam sesuatu aktiviti tertentu. Pernahkan anda melalui satu keadaan di mana tanpa disedari masa telah berlalu dengan cepat dan anda terlambat ke kerja atau menghadiri temuduga yang penting atau melakukan tugas yang lain ?

Mereka yang tidak mengurus masa akan sentiasa dalam keadaan kelam kabut, tahap stres yang tinggi,

menghadapi tekanan dan prestasi pencapaian mereka lebih sedikit. Mereka yang sentiasa menggunakan kemahiran pengurusan masa, peralatan dan teknik adalah golongan yang paling efektif dan mencapai prestasi kerja yang tinggi. Mereka mempunyai masa terluang untuk diri sendiri, keluarga dan mereka berasa keseronokan dalam hidup.

Pembelajaran dan penguasaan dalam pengurusan masa bermula dengan berubahnya habit yang sedia ada kepada yang baru. Ia memerlukan satu anggaran masa, mengatur mengikut prioriti, merancang dan komited dengan rancangan tersebut.

Pengurusan masa membuatkan kerja anda lebih mudah disempurnakan, peningkatna prestasi kerja, mengurangkan stres kerja dan memberikan ekstra masa untuk diri sendiri.

Jika satu saat telah dibazirkan, ia tidak dapat diganti balik. Oleh itu, kita perlu mempunyai habit menggunakan masa dengan bijaksana.

Bersambung...